

# POLISI PRIVASI

## PENGENALAN KEPADA TERMA DAN SYARAT

Notis privasi ini ("**Polisi**") dikuatkuasakan kepada semua penggunaan aplikasi mobil, produk, perisian, perkhidmatan, laman web, penerbitan, langganan e-mel dan kandungannya, perkhidmatan lain, dan hubungan anda dengan kami (secara kolektif, "Perkhidmatan") yang dikendalikan oleh Gotrade Securities Inc. ("**kami**"). Apabila kami merujuk kepada Perkhidmatan, istilah Perkhidmatan juga merangkumi sebarang bahagian, aspek atau ciri perkhidmatan atau Perkhidmatan kami. Perkataan-perkataan seperti "anda" atau "milikan anda" merujuk kepada anda sebagai pengguna Perkhidmatan.

Kami tertakluk kepada syarat perlindungan data di bawah yurisdiksi-jurisdiksi yang syarikat-syarikat kumpulan Gotrade ditubuhkan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 Singapura ("**Undang-undang Tertentu**"). Kami memandang serius privasi anda. Polisi ini bertujuan untuk memaklumkan anda tentang maklumat yang kami kumpulkan, cara kami menggunakannya, memproses, dan mendedah maklumat tersebut, dan hak anda berkenaan maklumat tersebut.

Disebabkan kepentingan Polisi ini, kami berharap anda meluangkan masa untuk membaca Polisi ini dengan teliti. Sekiranya terdapat syarat dalam Polisi ini yang anda tidak setuju, sila tamatkan penggunaan Perkhidmatan kami, dan kami berhak untuk tidak memberi anda akses kepada Perkhidmatan kami.

Anda berhak untuk memilih sama ada anda akan mengongsikan maklumat atau data peribadi anda kepada kami. Sekiranya anda memilih untuk tidak mengongsikan maklumat tersebut atau mengehadkan penggunaan maklumat anda daripada kami, anda bersetuju bahawa kami tidak dapat memproses maklumat tersebut dan ini boleh menjejaskan aplikasi anda dan/atau kemampuan kami untuk menubuhkan atau meneruskan Perkhidmatan kami kepada anda. Dengan membuat pilihan tersebut, anda mengakui bahawa kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang anda alami akibat pilihan anda sendiri.

Dengan menerima dan menyetujui polisi privasi ini, anda bersetuju bahawa kami boleh mengumpul, mengguna dan berkongsi maklumat anda bersesuaian dengan dasar Polisi Privasi ini, seperti yang disemak dari semasa ke semasa. Anda bersetuju untuk memberi keizinan supaya data peribadi anda dipindahkan dan diproseskan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Singapura.

Notis ini disediakan dalam kedua-dua versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, sekiranya terdapat ketidakselarasan atau perbezaan, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

## JADUAL ISI KANDUNGAN

1. APAKAH MAKLUMAT YANG KAMI KUMPUL?
2. BAGAIMANAKAH KAMI MEMPROSES MAKLUMAT ANDA?
3. ADAKAH KAMI BERKONGSI MAKLUMAT ANDA DENGAN SESIAPA SAHAJA?
4. DENGAN PIHAK MANAKAH AKAN KAMI KONGSIKAN MAKLUMAT ANDA?
5. BERAPA LAMA AKAN KAMI MENYIMPAN MAKLUMAT ANDA?
6. BAGAIMANA KAMI MENJAGA KESELAMATAN MAKLUMAT ANDA?
7. APAKAH HAK PRIVASI ANDA?
8. ADAKAH KAMI MENGEMASKINI POLISI INI?

## 9. BAGAIMANA ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI BERKENAAN POLISI INI?

### 1. APAKAH MAKLUMAT YANG KAMI KUMPUL?

#### MAKLUMAT PERIBADI YANG ANDA MEMBEKAL KEPADA KAMI

*Secara Ringkas: Kami mengumpulkan maklumat peribadi yang anda bekalkan kepada kami seperti nama, alamat, maklumat hubungan, nombor telefon, pekerjaan, aset dan pendapatan dan data keselamatan.*

Kami mengumpulkan maklumat peribadi yang anda bekalkan secara sukarela kepada kami ketika anda mendaftar dengan Perkhidmatan kami dan ketika anda berminat untuk mendapatkan maklumat mengenai kami atau produk dan perkhidmatan kami.

**Pelaksanaan Usaha Wajar Pelanggan ("CDD").** Kami mengumpulkan maklumat berikut bertujuan untuk pelaksanaan usaha wajar pelanggan dan penyimpanan rekod pelanggan:

- (a) nama penuh;
- (b) alamat e-mel;
- (c) kewarganegaraan;
- (d) nombor telefon;
- (e) tarikh lahir;
- (f) status pekerjaan;
- (g) sumber pendapatan;
- (h) nama majikan;
- (i) alamat majikan
- (j) pekerjaan;
- (k) nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (No. KP) atau nombor pasport atau nombor rujukan sebarang dokumen rasmi yang memaparkan foto anda;
- (l) foto dokumen yang dirujukkan di (k);
- (m) Selfie;
- (n) alamat;
- (o) nombor pengenalan cukai
- (p) kenalan yang dipercayai dan nama pertama, nama terakhir, alamat e-mel mereka; dan
- (q) dokumen sokongan lain yang berkaitan dengan maklumat di atas (seperti bukti alamat).

Maklumat yang dikumpul untuk pelaksanaan usaha wajar pelanggan dan penyimpanan rekod pelanggan di atas akan juga digunakan untuk tujuan lain seperti yang tertulis dalam Polisi Privasi ini.

**Komunikasi bertulis.** Kami mengumpul komunikasi bertulis antara anda dengan kami seperti ketika anda menghantar e-mel kepada kami atau apabila terdapat dokumen yang diberikan kepada kami sebelum dan selama hubungan perniagaan kami.

**Maklumat lain.** Kami mengumpul maklumat yang diperlukan untuk memberi Perkhidmatan kepada anda, termasuk kredensial akaun seperti butir nama pengguna / nama paparan, nombor telefon kenalan anda untuk tujuan Program Hadiah Gotrade, dan nombor telefon pengguna akaun Gotrade Junior.

#### MAKLUMAT YANG DIKUMPUL SECARA AUTOMATIK MELALUI PERKHIDMATAN KAMI

*Secara Ringkas: Maklumat tertentu - seperti maklumat mengenai sejarah transaksi anda, aktiviti akaun, peranti*

*mudah alih, notifikasi 'push', alamat IP dan/atau ciri-ciri penyemak imbas dan peranti - dikumpulkan secara automatik semasa anda menggunakan Perkhidmatan kami.*

Secara automatik, maklumat tertentu akan dikumpulkan semasa anda mengunjungi, menggunakan atau menavigasi Perkhidmatan. Maklumat ini tidak mendedahkan identiti khusus anda (seperti nama atau maklumat hubungan anda) tetapi mungkin merangkumi maklumat peranti dan penggunaan, seperti ID peranti mudah alih, model dan pengilang), maklumat versi, alamat IP, nama peranti, penyemak imbas dan ciri peranti, sistem operasi, pilihan bahasa, URL rujukan, negara, lokasi, maklumat tentang cara dan masa anda menggunakan Perkhidmatan kami dan maklumat teknikal lain. Maklumat ini diperlukan terutamanya untuk menjaga keselamatan dan operasi Perkhidmatan kami, dan untuk tujuan analisis dan pelaporan dalaman kami.

Kami mungkin meminta untuk mengirimitkan notifikasi 'push' mengenai akaun atau aplikasi mudah alih anda. Sekiranya anda ingin memilih untuk tidak menerima komunikasi jenis ini, anda boleh mematakannya dalam tetapan peranti anda.

Seperti banyak perniagaan, kami juga mengumpulkan maklumat melalui 'cookies' dan teknologi serupa ("Cookies") (sama ada dipasang oleh kami atau pihak ketiga yang bekerjasama dengan kami). Anda mempunyai pilihan untuk membenarkan pemasangan Cookies tersebut atau kemudian mematakannya. Walau bagaimanapun, sekiranya anda tidak memasang cookies, Perkhidmatan kami berkemungkinan tidak dapat beroperasi seperti yang dirancang.

#### MAKLUMAT YANG DIKUMPUL DARI SUMBER LAIN

*Secara Ringkas: Kami mungkin mengumpulkan data terhad daripada pangkalan data awam, rakan pemasaran, dan sumber luar lain.*

Kami mungkin memperoleh maklumat berkenaan anda daripada sumber lain, seperti pangkalan data awam, penyedia maklumat elektronik pelanggan (eKYC) dan juga dari pihak ketiga yang lain. Sebagai contoh, maklumat yang kami terima dari sumber lain termasuk: maklumat profil media sosial: petunjuk pemasaran dan hasil carian dan pautan, termasuk senarai berbayar (seperti pautan tajaan). Untuk memastikan ketepatan data, kami mungkin memerlukan pengesahan data yang anda berikan kepada kami dari semasa ke semasa.

## **2. BAGAIMANAKAH KAMI MEMPROSES MAKLUMAT ANDA?**

*Secara Ringkas: Kami memproses maklumat anda untuk tujuan kepentingan perniagaan yang sah, pemenuhan kontrak kami dengan anda, pematuhan terhadap kewajiban undang-undang kami, dan/atau dengan persetujuan anda.*

Kami menggunakan maklumat peribadi yang dikumpulkan melalui Perkhidmatan kami untuk pelbagai tujuan perniagaan yang dijelaskan di bawah. Kami memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan ini berdasarkan kepentingan perniagaan kami yang sah, untuk menandatangani atau melaksanakan kontrak dengan anda, dengan persetujuan anda, dan/atau untuk mematuhi tanggungjawab undang-undang kami. Kami menunjukkan tujuan pemrosesan khusus yang kami bergantung sepertimana yang disenaraikan di sebelah setiap tujuan di bawah.

Kami menggunakan maklumat yang kami kumpulkan atau terima untuk:

- mempermudah pembukaan akaun dan proses log masuk dalam menjalin hubungan perniagaan kami dengan anda;
- mengurus dan mengemas kini maklumat akaun untuk akaun anda dengan kami;
- mentadbir Perkhidmatan;
- penilaian risiko;
- penilaian terhadap penyerahan hak kontrak, pemindahan, dan/atau novasi hak dan/atau kewajiban kami yang sebenar atau yang dicadangkan;
- menjalankan tinjauan dan analisis kami sepertimana yang diperlukan untuk peningkatan perkhidmatan kami;
- menyelenggara dan melindungi pejabat, terminal, atau peralatan kami yang lain;

- meningkatkan pengalaman penggunaan anda dengan memperibadikan Perkhidmatan;
- menghantar komunikasi pemasaran dan promosi kepada anda. Kami dan/atau pihak ketiga rakan kongsi pemasaran kami mungkin menggunakan maklumat peribadi yang anda hantarkan kepada kami untuk tujuan pemasaran, jika ini sesuai dengan pilihan pemasaran anda. Anda boleh memilih untuk tidak menerima e-mel pemasaran kami pada bila-bila masa (lihat "APA HAK PRIVASI ANDA "di bawah);
- menghantar maklumat pentadbiran kepada anda. Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk menghantar maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan ciri baru dan/atau maklumat mengenai perubahan terma, syarat, dan polisi kami;
- menangani pertanyaan dan aduan yang dibuat oleh atau mengenai anda yang berkaitan dengan Aplikasi dan Laman Web;
- penghantaran maklumat pesanan kepada broker penjelasan kami;
- penghantaran maklumat arahan kepada penyedia pertukaran mata wang dan pengiriman wang kami;
- menyampaikan iklan tersasar kepada anda. Kami mungkin menggunakan maklumat anda untuk mengembangkan dan memaparkan kandungan dan iklan (dan bekerjasama dengan pihak ketiga yang melakukannya) yang disesuaikan dengan minat dan/atau lokasi anda dan untuk mengukur keberkesananannya;
- mentadbir pertandingan dan hadiah. Kami mungkin menggunakan maklumat anda untuk menguruskan dan pertandingan dan hadiah apabila anda memilih untuk menyertai pertandingan;
- meminta maklum balas. Kami mungkin menggunakan maklumat anda untuk meminta maklum balas dan menghubungi anda mengenai penggunaan Laman Web atau Aplikasi kami;
- tinjauan dan penyelidikan. Kami mungkin menggunakan maklumat anda untuk meminta pendapat dan/atau jawapan anda atau memprosesnya secara langsung untuk tujuan tinjauan dan penyelidikan;
- untuk melindungi Perkhidmatan kami. Kami mungkin menggunakan maklumat anda sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memastikan Perkhidmatan kami sentiasa selamat dan terjamin (misalnya, untuk pemantauan dan pencegahan penipuan);
- menguatkuasakan terma, syarat dan polisi kami;
- membalas permintaan undang-undang dan mencegah pembahayaan. Sekiranya kami menerima sepina atau permintaan undang-undang lain, kami mungkin perlu memeriksa data yang kami simpan untuk menentukan untuk cara bertindak balas; dan
- untuk tujuan perniagaan lain atau tujuan lain yang berkaitan dan sehubungan dengan mana-mana perkara di atas. Kami mungkin menggunakan maklumat anda untuk Tujuan Perniagaan lain, seperti analisis data, mengenal pasti trend penggunaan, menentukan keberkesanan kempen promosi kami dan untuk menilai dan menambah baik Perkhidmatan atau Aplikasi kami, produk, servis, pemasaran dan pengalaman anda.

### 3. ADAKAH KAMI BERKONGSI MAKLUMAT ANDA DENGAN SESIAPA SAHAJA?

*Secara Ringkas: Kami hanya berkongsi maklumat dengan persetujuan anda, untuk mematuhi undang-undang, untuk melindungi hak anda, atau untuk memenuhi tanggungjawab perniagaan.*

Kami mungkin memproses atau berkongsi data berdasarkan asas undang-undang berikut: -

- **Persetujuan:** Kami mungkin memproses data anda jika anda telah memberikan kami persetujuan khusus untuk menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan tertentu.
- **Kepentingan yang sah:** Kami mungkin memproses data anda apabila diperlukan untuk mencapai kepentingan perniagaan kami yang sah.
- **Pelaksanaan Kontrak:** Kami mungkin memproses maklumat peribadi anda untuk memenuhi syarat kontrak yang anda telah menandatangani dengan kami.
- **Kewajiban Undang-undang:** Kami mungkin mendedahkan maklumat anda di mana kami diwajibkan secara sah untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, permintaan kerajaan, prosiding

kehakiman, perintah mahkamah, atau proses undang-undang, seperti sebagai respons kepada perintah mahkamah atau sepina (termasuk respon kepada pihak berkuasa awam untuk memenuhi syarat keselamatan negara atau penguatkuasaan undang-undang).

- **Kepentingan Vital:** Kami mungkin mendedahkan maklumat anda di mana kami yakin terdapatnya keperluan menyasat, mencegah, atau mengambil tindakan mengenai potensi pelanggaran polisi kami, disyaki penipuan, situasi yang melibatkan ancaman (termasuknya ancaman yang hanya berkemungkinan) terhadap keselamatan seseorang dan aktiviti haram, atau sebagai bukti dalam litigasi di mana kami terlibat.

Kami mungkin perlu memproses data atau berkongsi maklumat peribadi anda dalam situasi berikut:

- **Kumpulan syarikat GoTrade.** Kami mungkin berkongsi data anda dengan syarikat-syarikat yang berada dalam kumpulan GoTrade kerana sesetengah operasi adalah dipusatkan dalam kumpulan GoTrade.
- **Penjual, Perunding dan Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga Lain.** Kami mungkin berkongsi data anda dengan vendor pihak ketiga, penyedia perkhidmatan, kontraktor atau ejen yang melaksanakan perkhidmatan untuk kami atau bagi pihak kami dan memerlukan akses ke maklumat untuk melaksanakan kerja tersebut. Contohnya termasuk: pemrosesan dana, penyaluran pesanan, penjelasan, pelaksanaan, analisis data, penghantaran e-mel, perkhidmatan 'hosting', perkhidmatan pelanggan dan usaha pemasaran.

Kami mungkin membenarkan pihak ketiga terpilih untuk menggunakan teknologi penjejakan kepada Perkhidmatan kami, yang akan membolehkan mereka mengumpulkan data mengenai cara anda berinteraksi dengan Perkhidmatan kami dari masa ke masa. Maklumat ini mungkin digunakan, antara tindakan lain, menganalisis dan mengesan data, menentukan populariti kandungan tertentu dan memahami lebih tentang aktiviti online. Kecuali dinyatakan dalam Polisi ini, kami tidak akan berkongsi, menjual, menyewa atau memperdagangkan maklumat anda dengan pihak ketiga untuk tujuan promosi mereka. Pihak ketiga ini mungkin memiliki polisi privasi mereka sendiri yang ditetapkan, anda dinasihatkan untuk membiasakan diri dengan polisi privasi mereka.

- **Pemindahan Perniagaan.** Kami mungkin berkongsi atau memindahkan maklumat anda sehubungan dengan, atau semasa rundingan, sebarang penggabungan, penjualan aset syarikat, pembiayaan, atau pemerolehan semua atau sebahagian daripada perniagaan kami kepada syarikat lain.
- **Rakan Perniagaan.** Kami mungkin berkongsi maklumat anda dengan rakan perniagaan kami untuk menawarkan produk, perkhidmatan atau promosi yang tertentu kepada anda.

#### **4. DENGAN PIHAK MANAKAH AKAN KAMI KONGSIKAN MAKLUMAT ANDA DAN DIMANAKAH MEREKA BERTEMPAT?**

*Secara ringkas: Kami hanya berkongsi maklumat dengan sekutu kami dan pihak ketiga berikut, yang mungkin berada di negara-negara di luar bidang kuasa tempat kami diperbadankan.*

Kami hanya berkongsi dan mendedahkan maklumat anda kepada jabatan-jabatan dalam GoTrade Securities Inc., sekutu kami, dan pihak ketiga berikut (termasuk syarikat yang berada dalam kumpulan mereka masing-masing). Kami telah mengkategorikan setiap pihak supaya anda dapat memahami secara mudah tujuan amalan pengumpulan dan pemrosesan data kami. Sekiranya kami telah memproses data berdasarkan persetujuan anda dan anda ingin membatalkan persetujuan, sila hubungi kami. Senarai ini dan sebarang rujukan kepada pihak tertentu tidak lengkap dan kami akan berusaha untuk mengemas kini senarai ini secepat mungkin.

- Berkomunikasi dan Berbual dengan Pengguna: Sembang Pelanggan Facebook, *Facebook Cloud Messaging*, *MailChimp*, *Mandrill*, *Twilio*, *WhatsApp*, *Facebook Messenger* dan *Intercom*
- Pengoptimuman Fungsi dan Infrastruktur: Perkhidmatan Web *Amazon*, *DigitalOcean* dan Penyimpanan *Google Cloud*, *Alibaba Cloud*
- Platform Pemasaran Semula: *Facebook Custom Audience*, Pemasaran Semula *Facebook*, Pemasaran Semula *Google Ads*, Pemasaran Semula *Google Analytics* dan Pemasaran Semula Laman Web *LinkedIn*
- Perkongsian dan Pengiklanan Media Sosial: Pengiklanan *Facebook*, Pengiklanan *Instagram* dan Pengiklanan *LinkedIn*, 'native sharing' di telefon iOS atau Android anda
- Analisis Web dan Mudah Alih: Penjejakan penukaran Iklan *Facebook*, *Facebook Analytics*, *Google Ads*,

*Google Analytics, Google Analytics untuk Firebase, Google Tag Manager, Heap Analytics, Hotjar, MixPanel dan Segment, Branch Metrics*

- Pemantauan Prestasi Laman Web: *Crashlytics* dan *Firebase Crash Reporting*
- Pengujian Laman Web: *Cloudflare, TestFlight* dan *Google Play Console*
- Perkhidmatan Pertukaran Mata Wang: Rapyd Holdings Pte Ltd
- Pembayaran dikumpulkan dari kad kredit/debit (tidak diwajibkan untuk pelanggan): Stripe Payments Singapore Pte Ltd
- Perkhidmatan Pengiriman Wang: Rapyd Holdings Pte Ltd, Wise Payments Ltd
- Penjagaan, Pembersihan & Pelaksanaan: Alpaca Securities, LLC
- Pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang menyokong mana-mana perkhidmatan di atas atau lebih: PT Valbury Asia Futures

Dalam menggunakan mana-mana Perkhidmatan Pihak Ketiga yang tersedia melalui Aplikasi, anda mungkin diminta untuk bersetuju dan mematuhi Terma Perkhidmatan, Polisi Privasi, atau terma dan syarat yang lain dari penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan rakan broker kami. Kami tidak menerima tanggungjawab atau liabiliti untuk polisi ini. Penerimaan atau persetujuan anda terhadap Polisi Privasi ini tidak merangkumi penerimaan atau persetujuan anda terhadap polisi privasi yang lain.

Kami juga mungkin mendedahkan maklumat anda kepada:

- juruaudit, peguam, penasihat, akauntan, ejen, atau wakil lain yang mempunyai tanggungjawab kerahsiaan dengan kami;
- mana-mana pihak berkuasa, kerajaan atau yang lain;
- mana-mana agensi pencegahan penipuan;
- sebarang sistem maklumat rujukan kredit pusat;
- sesiapa yang diberi kuasa lain berdasarkan undang-undang dalam bidang kuasa yang berkenaan dengan kami.

**Dengan berkongsi data peribadi anda dengan pihak ketiga tersebut, anda juga telah bersetuju untuk membenarkan data peribadi anda dipindahkan dari Labuan ke bidang kuasa lain seperti yang dinyatakan di atas.**

## **5. BERAPA LAMA AKAN KAMI MENYIMPAN MAKLUMAT ANDA?**

*Secara Ringkas: Kami menyimpan maklumat anda selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan yang digariskan dalam polisi privasi ini melainkan jika dikehendaki oleh undang-undang.*

Kami hanya akan menyimpan maklumat peribadi anda selama diperlukan untuk tujuan yang dinyatakan dalam polisi privasi ini melainkan jika tempoh penyimpanan yang lebih lama diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang (seperti cukai, perakaunan atau keperluan undang-undang lain). Tiada tujuan dalam polisi ini, selain daripada tujuan yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, yang menghendaki kami menyimpan maklumat peribadi anda selama lebih dari 7 tahun setelah penamatan akaun pengguna atau lebih lama, di mana terdapat prosiding undang-undang yang belum selesai. Jika kami tidak mempunyai sebab perniagaan yang sah untuk memproses maklumat peribadi anda, kami akan menghapusnya atau menganonimkannya, atau, jika ini tidak berkemungkinan (misalnya, kerana maklumat peribadi anda telah disimpan dalam arkib sandaran), maka kami akan menyimpan dengan selamat maklumat peribadi anda dan mengasingkannya dari sebarang proses sehingga penghapusan boleh dilakukan.

## **6. BAGAIMANA KAMI MENJAGA KESELAMATAN MAKLUMAT ANDA?**

*Secara Ringkas: Kami bertujuan untuk melindungi maklumat peribadi anda melalui sistem langkah-langkah keselamatan organisasi dan teknikal.*

Kami bersetuju bahawa kami:

- hanya akan memproses maklumat anda mengikut arahan yang anda berikan dan mengikut Undang-Undang Tertentu;
- akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dari segi pengurusan dan perkhidmatan teknikal untuk melindungi maklumat anda dari (i) sebarang pemrosesan atau penggunaan tanpa kebenaran atau (ii) kehilangan atau kemusnahan yang disebabkan oleh kecuiaan kami;
- tidak akan menyimpan maklumat anda lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan sah yang dibenarkan oleh undang-undang.

Kami telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang bersesuaian untuk melindungi keselamatan setiap maklumat peribadi yang kami proses. Namun, sila ambil perhatian bahawa kami tidak dapat menjamin penghantaran maklumat melalui internet itu sendiri 100% selamat. Walaupun kami akan melakukan yang terbaik untuk melindungi maklumat peribadi anda, kami tidak dapat menjamin keselamatan maklumat yang dihantar ke perkhidmatan kami. Penghantaran maklumat peribadi ke dan dari Perkhidmatan kami adalah atas risiko anda sendiri dan kami tidak memikul tanggungjawab untuk penghantaran maklumat anda. Anda patut mengakses Perkhidmatan kami dalam persekitaran yang selamat.

Sekiranya kami gagal menjaga kerahsiaan maklumat peribadi anda dalam Perkhidmatan, kami akan memberitahu anda melalui maklumat hubungan yang dibekalkan oleh anda atau melalui Perkhidmatan, sejauh yang diperlukan oleh undang-undang dan peraturan tempatan, selambat-lambatnya 14 hari sejak kami mengukui pelanggaran kerahsiaan.

## **7. APA HAK PRIVASI ANDA?**

*Secara Ringkas: Anda boleh menyemak perubahan, atau menamatkan akaun anda pada bila-bila masa.*

### **Maklumat Akaun**

Sekiranya anda pada bila-bila masa ingin menyemak atau mengubah maklumat dalam akaun anda atau menamatkan akaun anda, anda boleh:

- Daftar masuk ke Perkhidmatan, arahkan ke Profil dan kemas kini atau semak semula akaun pengguna anda dan maklumat lain yang berkaitan dengan akaun anda atau untuk menghapus data anda. Atas permintaan anda untuk menamatkan akaun, kami akan menyahaktifkan atau menghapus akaun dan maklumat anda dari pangkalan data aktif kami. Walau bagaimanapun, beberapa maklumat mungkin disimpan dalam fail kami untuk mencegah penipuan, masalah *troubleshoot*, membantu sebarang siasatan, menguatkuasakan Syarat Penggunaan kami dan/atau mematuhi syarat undang-undang.

### **Pilihan keluar daripada e-mel pemasaran**

- Anda boleh tarik diri daripada pelanggan senarai e-mel pemasaran kami pada bila-bila masa dengan mengklik pautan tarik diri pelanggan dalam e-mel yang kami kirimkan atau dengan menghubungi kami melalui maklumat yang disediakan di bawah. Anda kemudian akan dikeluarkan dari senarai e-mel pemasaran - namun, kami masih perlu menghantar e-mel transaksi yang diperlukan untuk pentadbiran dan penggunaan akaun anda (misalnya, Pengesahan pesanan).

### **Pilihan keluar daripada pengiklanan tersasar**

- Anda boleh menarik diri daripada penjejakan tingkah laku dan/atau pengiklanan berasaskan minat. Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih untuk "menarik diri" daripada pengiklanan yang disasarkan, anda masih akan melihat iklan atas sebab lain seperti umur, jantina dan iklan daripada pihak ketiga yang tidak dihantar oleh kami tetapi melalui aktiviti mudah alih / web anda. Selain itu, menarik diri daripada penjejakan tingkah laku dan/atau pengiklanan berdasarkan minat pada satu peranti atau penyemak imbas hanya boleh berkesan pada peranti atau penyemak imbas tertentu itu sahaja. Untuk menarik diri daripada penjejakan pada peranti atau penyemak imbas lain, anda mesti menarik diri daripada peranti atau penyemak imbas lain tersebut.
- Kami juga bekerjasama dengan pihak ketiga yang merupakan ahli persatuan kawal selia sendiri seperti Inisiatif Pengiklanan Rangkaian (NAI), Perikatan Pengiklanan Digital (DAA) atau Perikatan Pengiklanan Digital Interaktif Eropah (EDAA). Anda mungkin ingin menggunakan alat pilih keluar yang ditawarkan oleh

persatuan ini, beberapa daripadanya dipautkan di sini: [halaman pilih keluar NAI](#), [halaman pilih keluar DAA](#), [halaman pilih keluar EDAA](#).

#### **Pelanggaran prinsip-prinsip**

- Sekiranya anda mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa kami telah melanggar prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Polisi ini, kami menggesa anda untuk menghubungi kami. Anda boleh menghantar e-mel kepada kami di [support@heygotrade.com](mailto:support@heygotrade.com) dengan kebimbangan anda. Setelah menerima e-mel tersebut, anda akan menerima respons daripada kami dalam masa 21 hari. Sekiranya kami mendapati bahawa aduan itu mempunyai justifikasi, kami akan menyelesaikan isu tersebut.

#### **8. ADAKAH KAMI MENGEMASKINI POLISI INI?**

Secara Ringkas: Ya, kami akan mengemas kini polisi ini jika diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang berkaitan.

Kami berhak mengubah Polisi ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara kami. Sebarang perubahan pada Polisi ini akan berkuatkuasa apabila kami menyiarkannya ke Perkhidmatan kami. Sekiranya kami mengubah Polisi ini, kami akan berusaha untuk memberikan anda notis dengan menyiarkan notis di Perkhidmatan dan/atau memberitahu anda melalui e-mel. Penggunaan berterusan anda dalam Perkhidmatan setelah kami menyiarkan Polisi yang diubah ke Perkhidmatan ini merupakan persetujuan anda terhadap Polisi yang diubah.

#### **9. BAGAIMANA ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI BERKENAAN POLISI INI?**

Anda boleh menghantar e-mel kepada [support@heygotrade.com](mailto:support@heygotrade.com).

V06 MEI 2022